

**MAJLIS POLEMIK SEJARAH MALAYSIA
SESI KE-46**

“HARI KEMERDEKAAN ATAU HARI KEBANGSAAN?”

Tajuk:

**31 OGOS DAN 16 SEPTEMBER DALAM SEJARAH
MALAYSIA:
KEMERDEKAAN ATAU KEBANGSAAN**

Oleh:

Prof. Emeritus Datuk Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali

14 September 2021 (Selasa)

Anjuran:

ARKIB NEGARA MALAYSIA

31 OGOS DAN 16 SEPTEMBER DALAM SEJARAH MALAYSIA: KEMERDEKAAN ATAU KEBANGSAAN

Oleh:

Prof. Emeritus Datuk Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali
Universiti Malaya

Abstrak

31 Ogos 1957, Malaysia mencapai kemerdekaan, muncul sebagai sebuah negara berdaulat, Demokrasi dan Raja Berpelembagaan. Seterusnya Malaysia menyambut Ulang Tahun Hari Kemerdekaan, sehingga bermula pada satu ketika, Malaysia tidak lagi menyambut Ulang Tahun Hari Kemerdekaan, tetapi Ulang Tahun Hari Kebangsaan. Pada 16 September 1963 pula, Sarawak dan Sabah dengan rasminya merdeka. Sehubungan itu kertas ini mengajak pembaca membuka lipatan sejarah, dan mengumpul memori sejarah ke arah 31 Ogos 1957 dan 16 September 1963 bagi menentukan hala tuju perbincangan sama ada Hari Kemerdekaan atau Hari Kebangsaan. Dalam perbincangan tersebut, kertas ini menggunakan sumber primer yang tersimpan di Arkib Negara Malaysia, dan Rekod Rasmi British yang berkaitan tersimpan di Arkib Kebangsaan United Kingdom, England. Juga kertas ini merujuk bahan sekunder yang berkaitan dengannya. Satu perkara yang tidak boleh dinafikan, perjuangan sehingga 31 Ogos 1957 dan 16 September 1963 dirujuk sebagai Perjuangan Kemerdekaan. Oleh sebab itu 31 Ogos 1957 dan 16 September 1963 dalam Sejarah Malaysia adalah Hari Kemerdekaan.

Kata kunci: Merdeka dan Hari Kemerdekaan

Pendahuluan

Polemik Sejarah Malaysia kali ini dengan sengaja membawa semua yang dalam siri polemik kali ini berada di persimpangan, sama ada Kemerdekaan atau Kebangsaan ketika menyambut 31 Ogos dan 16 September. Fakta, 31 Ogos 1957. Persekutuan Tanah Melayu, yang di dalam persekutuan itu, 11 negeri: Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu, dan Kelantan mencapai kemerdekaan. 16 September 1963 pula, Sarawak dan Sabah (Borneo Utara) dengan rasmi menyertai Persekutuan Tanah Melayu membentuk Persekutuan Malaysia. Sekali gus Sarawak dan Sabah dengan rasminya bebas daripada Jajahan Mahkota British, dan muncul sebagai sebuah negeri merdeka dalam Persekutuan Malaysia. Dengan itu sebulan mulai 16 Ogos hingga 16 September adalah Hari Kemerdekaan. Dalam kes Sarawak dan Sabah ini, Pemasyhuran Malaysia 16 September 1963 dengan jelas dan nyata menyebut, "...mulai daripada pemasyhuran Malaysia maka negeri Sabah, negeri Sarawak [dan negeri Singapura] hendaklah tamat daripada menjadi jajahan takluk Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen dan Duli Yang Mulia Baginda Queen tiada lagi mempunyai kedaulatan dan kuasa di atas ketiga-tiga buah negeri itu". Sehungan itu, bagi menjelaskan persoalan Kemerdekaan ini, naratif sejarah ke arah 31 Ogos 1957, dan 16 September 1963, menjadi aspek utama dalam perbincangan kertas ini.

Menggali dan Mengumpul Memori Sejarah Merdeka Malaysia

Merdeka, jelas dan nyata, dalam konteks perbincangan adalah bebas daripada cengkaman penjajah. Apabila disebut penjajah pula, sejarah Malaysia membuktikan Melayu dan pribumi sudah lama menentang penjajah di tanah air mereka. Penentangan terawal terhadap penjajah, 1511 Melayu Melaka berperang dengan Portugis. Walaupun kalah, dan Portugis menjajah Melaka, Melayu terus berjuang untuk mengenyahkan Portugis dari bumi Melaka. Matlamat perjuangan mereka berjaya pada 1641, apabila angkatan Johor pimpinan Laksamana Tun Abdul Jamil bersama angkatan Belanda menyerang Portugis. Portugis meninggalkan Melaka, sebaliknya Belanda pula

menjajah Melaka. Melayu Naning, Rembau dan Perak menentang Belanda. Pada 1690 pasukan Melayu Perak, pimpinan Panglima Kulup Ali menyerang pusat perdagangan Belanda di Pulau Pangkor, dan Belanda meninggalkan Perak.

Pada 1782 pula, angkatan Johor pimpinan Yang di-Pertuan Muda Johor Raja Haji berperang dengan angkatan Belanda pimpinan Toger Abo yang dihantar ke Riau untuk menawan pusat kerajaan Johor. Sementara angkatan Johor berperang, Sultan Ibrahim Selangor membawa angkatan Selangor menyerang Belanda di Melaka. Kemudiannya pasukan Sultan Ibrahim bergabung dengan pasukan Raja Haji dari Johor berperang dengan Belanda di Melaka pada 1784. Dalam perang ini, ramai yang syahid, termasuklah Raja Haji. Perang dengan Belanda ini berlanjutan di Johor, dan di Selangor. Johor dikalahkan Belanda, dan Selangor pula ditawan pada 1784. Johor berdamai dengan Belanda pada 1784, dan Sultan Ibrahim menyerang serta menawan kembali Selangor daripada Belanda. Seterusnya pada 1785, Sultan Ibrahim berdamai dengan Belanda. Kemudiannya, Melayu terus menentang penjajah, dan kali ini mereka berperang pula dengan British. Pada 1791, angkatan Kedah berperang dengan pasukan Kompeni Hindia Timur Inggeris yang menduduki Pulau Pinang secara haram, pada 1786, tanpa memenuhi syarat yang ditawarkan Sultan Abdullah Kedah.

Begitu juga tidak terkecuali di Kedah. Ketika angkatan Siam berada di sini pada 1821, perang berlaku antara kedua-dua belah pihak. Ketika Siam menjajah Kedah dari 1821 hingga 1842, pejuang Kedah menghimpun Melayu, semangat jihad untuk menghalau Siam dari bumi Kedah. Antara pahlawan Kedah memimpin angkatan Melayu, Syed Zainal Abidin, lebih dikenali sebagai Tunku Kudin, dan Tunku Muhammad Saad.

Seterusnya pada 1831 dan 1832, Penghulu Dol Said memimpin angkatan Naning menentang angkatan British yang dihantar oleh pemerintah British di Melaka untuk menakluki Naning. Penglibatan James Brooke di Sarawak mulai 1841, berkuatkuasa Perjanjian dengan Pangiran Muda Hashim juga ditentang oleh pejuang pribumi dan Melayu Sarawak. Dalam perjuangan ini muncul Rentap, Sherif Mula, Sherif Sahab, Sherif Masahor, Datu Patinggi Abdul Gapur dan Penghulu Asun.

Penglibatan dan campur tangan British di negeri Melayu mulai 1874, di Perak, berikutnya Selangor, Negeri Sembilan, dan Pahang mendapat tentangan daripada penduduk setempat. Muncul pakatan dan gerakan menentang British di Perak, pimpinan Sultan Abdullah, Sultan Ismail, Menteri Ngah Ibrahim, Dato' Mahajaraja Lela Tan Lela Pancung Tak Bertanya Pandak Lam, Dato' Sri Agar Diraja (dikenali sebagai Dato' Sagor) Ngah Kamdin, Dato' Laksamana Wan Muhammad Amin, dan Dato' Shahbandar Uda Mahamor; di Selangor dipimpin Raja Mahdi bin Raja Sulaiman; di Negeri Sembilan, pimpinan Yamtuan Tunku Antah dan Dato' Shahbandar Abdullah Tunggal; seterusnya di Pahang, pimpinan Dato' Bahaman, Tok Gajah Imam Perang Indera Gajah, dan Mat Kilau. Gerakan menentang penjajah juga muncul di Sabah terhadap pentadbiran Kompeni Borneo Utara pimpinan Datu Paduka Mat Salleh pada 1897 hingga 1900, dan pimpinan Antanum pada 1915. Penentangan terhadap penjajah juga meletus di Pasir Puteh, Kelantan, pimpinan Haji Mat Hasan, lebih dikenali sebagai Tok Janggut pada 1915, dan Haji Abdul Rahman bin Abdul Hamid, lebih dikenali sebagai Haji Abdul Rahman Limbong di Terengganu pada 1922 hingga 1928.¹

Semua penentangan awal terhadap penjajah British di negeri Melayu, pentadbiran Brooke di Sarawak, dan Kompeni di Sabah dapat diatasi pentadbir masing-masing. Pentadbiran British melalui Pejabat Kolonial di Semenanjung; pentadbiran Brooke di Sarawak dan Kompeni di Sabah berterusan hingga 1941. Pada 1941 berlaku perubahan penting dalam politik Malaysia. Pada tahun 1941, tentera Jepun menyerang, menduduki Malaysia, dan memerintah Malaysia sehingga 1945. Ketika pentadbiran tentera Jepun, kerajaan British memutuskan dan diperkenankan oleh Baginda Raja untuk melaksanakan pentadbiran Malayan Union di Semenanjung, dan

menjadikan Sarawak serta Sabah sebagai jajahan mahkota British selepas perang tamat nanti.²

Pada 1945, Jepun menyerah kalah, dan kerajaan British mentadbir Malaysia melalui pentadbiran tentera. Dalam pada itu kerajaan British meneruskan langkah bagi melaksanakan dasar yang diputuskan, dan diperkenankan oleh Baginda Raja pada 1943. Kerajaan British berjaya mendapat tandatangan sembilan Raja Melayu untuk mentadbir termasuk perundangan, tidak melibatkan agama Islam dan adat Melayu; kerajaan British juga mendapat persetujuan Raja Sarawak, Raja Vynner Brooke menyerahkan Sarawak, dan Kompeni menyerahkan Sabah kepada kerajaan British.³

Ketika merancang melaksanakan dasar tersebut, kecuali Sabah, bangkit tindak balas daripada penduduk Malaysia. Sehingga kini, belum jelas tindak balas pribumi Sabah terhadap Sabah sebagai jajahan mahkota British. Pentadbiran Malayan Union ditentang Raja Melayu dan Melayu. Dalam pada itu terdapat sekumpulan Melayu, Parti Kebangsaan Melayu Malaya menyokong Malayan Union. Orang Cina dan India pula, ramai menyokong Malayan Union. Kemudiannya, Parti Kebangsaan Melayu Malaya berpaling perjuangan, menentang Malayan Union. Sementara itu di Sarawak muncul dua kumpulan: menyokong Sarawak sebagai jajahan mahkota British, anjuran Datu Bandar Abang Haji Mustapha, dan satu kumpulan lagi pimpinan Datu Patinggi Abang Haji Abdillah bersama Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak menentang Sarawak sebagai jajahan mahkota British. Sangat perlu dikongsikan di sini, Datu Bandar Haji Abang Mustapha menyokong Sarawak sebagai jajahan mahkota British kerana keadaan Sarawak ketika itu, selepas perang berada dalam dalam serba kekurangan. Sarawak, khususnya Melayu dan pribumi kurang dan lemah dalam ekonomi, pendidikan, dan tidak mampu menguruskan pentadbiran negeri jika berkerajaan sendiri. Dengan itu adalah baik buat ketika tertentu Sarawak sebagai jajahan mahkota British. Apabila keadaan Sarawak, Melayu dan pribumi kuat dan bersedia berkerajaan sendiri, tuntutan merdeka akan dikemukakan kepada kerajaan British. Berbeza dengan kumpulan menentang Sarawak sebagai mahkota kerajaan British. Kumpulan ini tidak berhajat berkerajaan sendiri, sebaliknya mengalu-alukan kedatangan keluarga Brooke,

meneruskan pentadbiran Sarawak. Pada sependuk ketika berdemotransi terdapat tulisan, antaranya yang berbunyi: "NATIVES OF SARAWAK DO NOT WANT THEIR COUNTRY TO BECOME A COLONY" dan "WE WANT ANTHONY BROOKE TO BE RAJAH OF SARAWAK".⁴

Walaupun mendapat tentangan daripada Melayu dan penduduk pribumi, kerajaan British meneruskan dasar Malayan Union di negeri Melayu, dan menjadikan Sarawak serta Sabah sebagai jajahan mahkota British. Pada 1 April 1946, kerajaan Malayan Union serta pelantikan Gabenor Malayan Union diisytiharkan di Kuala Lumpur. Begitu juga di Sarawak, pada 1 Julai 1946, bertempat di Pengkalan Batu, Kuching, Sarawak diisytiharkan sebagai jajahan mahkota British. Kedua-dua upacara ini, di Kuala Lumpur dipulau oleh Raja Melayu, dan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu [Pekembar = UMNO (United Malays National Organization)] pimpinan Dato' Onn Jaafar. Upacara di Kuching pula dipulau oleh Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak diketuai Datu Patinggi Abang Haji Abdillah. Dengan itu mulai 1946, kerajaan Malayan Union berjalan di negeri Melayu, dan Sarawak serta Sabah sebagai jajahan mahkota British.

Raja Melayu dan Pekembar terus menentang Malayan Union, dan menuntut pembentukan Persekutuan. Sementara itu Parti Kebangsaan Melayu Malaya menuntut kemerdekaan. Muncul Angkatan Pemuda Insaf (API) pimpinan Ahmad Boestaman, dan Angkatan Wanita Sedar (AWAS) pimpinan Shamsiah Fakeh, ranting Parti Kebangsaan Melayu Malaya sebagai langkah menuntut kemerdekaan Parti Kebangsaan Melayu Malaya secara revolusi. Dalam pada itu muncul sebuah lagi pertubuhan bercorak Islam, Hisbul Muslimin di Gunung Semanggol, pimpinan Abu Bakar Bakir. Perjuangannya menegakkan sebuah kerajaan Islam di negeri Melayu. Raja Melayu, Pekembar dan Kerajaan Malayan Union mencapai persetujuan membentuk Persekutuan. Ketika merangka draf Perjanjian Persekutuan, muncul bantahan terhadap penggubalan draf Perjanjian Persekutuan daripada kalangan Melayu, Cina dan India dalam gabungan PUTERA (Pusat Tenaga Rakyat)-AMCJA (All Malayan Council of Joint Action). Kumpulan ini menyatakan kandungan draf Perjanjian Malayan Union adalah tidak demokratik. Kumpulan ini menghasilkan Perlembagaan Rakyat,

melancarkan mogok bagi melumpuhkan ekonomi Malayan Union, dan mengemukakan Perlembagaan tersebut sebagai pilihan. Mogok gagal, dan Perlembagaan tidak diterima kerajaan Malayan Union. Rundingan Raja Melayu, Pekembar dan kerajaan Malayan Union berakhir dengan Perjanjian di antara masing-masing Raja Melayu, mewakili Sembilan negeri masing-masing dengan kerajaan British bertarikh 21 Januari 1948; dan perjanjian sembilan Raja Melayu, termasuk Undang Negeri Sembilan dengan kerajaan British juga bertarikh 21 Januari 1948. Perjuangan dan tuntutan Raja Melayu dan Pekembar menubuhkan Persekutuan berjaya, dan pada 1 Februari 1948, dengan rasminya Persekutuan Tanah Melayu diisytiharkan menggantikan kerajaan Malayan Union. Kerajaan Persekutuan berpandangan Parti Kebangsaan Melayu Malaya, Hisbul Muslimin, dan Parti Komunis mengancam Persekutuan, dan seterusnya mengharamkan ketiga-tiga pertubuhan ini pada 1948. Parti Komunis Malayan mengubah taktik dan strategi kegiatan, berundur ke dalam hutan, dan menguatkan kegiatan mereka dari sini. Pemimpin Parti Kebangsaan Melayu Malaya, antaranya Ahmad Boestaman ditangkap, dan dipenjarakan. Sementara itu terdapat pejuang berundur dan berlindung di bawah payung Parti Komunis Malaya. Antaranya, Abdullah C.D., Rashid Maidin, Abu Samah, Shamsiah Fakeh, dan Siti Nurkiah. Abdullah C.D., Rashid Maidin, Abu Samah dan beberapa orang rakan menubuhkan Rejimen ke-10 pada 1949. Perlu diambil perhatian, Rejimen ke-10 ini adalah cawangan bersenjata Parti Komunis Malaya, dan di bawah arahan Pusat, Parti Komunis Malaya, dan dipengaruhi pula sama ada China atau Rusia, serta Komunis Antarabangsa. Matlamat akhir perjuangan Parti Komunis Malaya adalah menubuhkan Republik Demokratik Rakyat Malaya.

Sementara perjuangan anti-penyerahan berterusan di Sarawak selepas Sarawak diisytiharkan sebagai jajahan mahkota British pada 1946. Dalam perjuangan tersebut, Pergerakan Pemuda Melayu Sibu mengubah taktik dan strategi perjuangan mereka. Perjuangan mereka tidak lagi anti-penyerahan seperti Persatuan Melayu Sarawak, tetapi menuntut Sarawak merdeka. Gerakan menjadi agresif, pada 1949, Pergerakan Pemuda Melayu Sibu, melalui Rukun 13, mewakili Rosli Dobi membunuh Gabenor Sarawak Duncan Stewart di Sibu. Kerajaan British Sarawak bertindak balas. Mereka yang disyakki terlibat dalam pakatan dan membunuh Gabenor Sarawak Duncan

Stewart, ditangkap dan dihukum. Kerajaan British Sarawak juga menggeledah pejabat Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak, dan kediaman yang disyakki terlibat. Kesan tindakan kerajaan British Sarawak ini perjuangan anti-penyerahan dan kemerdekaan Sarawak lemah, dan tidak lagi aktif selepas itu.

Sementara itu berlaku perkembangan penting dalam sejarah politik Melayu di Persekutuan Tanah Melayu pada 1951. Penganjur dan pemimpin UMNO, Dato' Onn Jaafar meletak jawatan sebagai Yang Dipertua UMNO. Kemudiannya menubuhkan Independence of Malaya Party. UMNO pula dipimpin oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, setelah mendapat undi majoriti dalam mesyuarat yang berlangsung di Hotel Majestic, Kuala Lumpur. Tunku Abdul Rahman berikrar akan meneruskan perjuangan UMNO menuntut kemerdekaan. Satu perkara yang sangat penting berlaku pada 1951, UMNO mengubah slogan perjuangan daripada HIDUP MELAYU kepada MERDEKA. Pada 1952, Tunku Abdul Rahman mengambil langkah bergabung dengan Malayan Chinese Association (MCA) membentuk Parti Perikatan, setelah melihat kejayaan pakatan UMNO-MCA dalam pilihan perbandaran Kuala Lumpur. Pada 1954, Tunku Abdul Rahman bersama T.H. Tan berangkat dengan kapal terbang dari Singapura ke London. Kehadiran Tunku Abdul Rahman dan T.H. Tan ini sebagai mewakili Perikatan, UMNO dan MCA. Pada 1955, Malayan Indian Congress (MIC) pula menyertai Parti Perikatan. Pada 14 Mei 1956. Tunku Abdul Rahman berunding dengan Setiausaha Tanah Jajahan Oliver Lyttleton. Tuntutan utama Tunku Abdul Rahman menambah jumlah kerusi Majlis Mesyuarat Perundangan Persekutuan tidak disetujui oleh Oliver Lyttleton. Juga beliau tidak bersetuju pilihan raya di Persekutuan Tanah Melayu diadakan pada penghujung 1954.

Keputusan rundingan ini tidak melemahkan semangat perjuangan kemerdekaan Tunku Abdul Rahman. Langkah ke arah berkerajaan sendiri diteruskan, dan menuntut kerajaan British, melalui Persekutuan menganjurkan Pilihanraya Umum Persekutuan pada 1955. Pada 1955 Pilihan Raya Persekutuan dilaksanakan. Kejayaan ini menandakan harapan mewujudkan kerajaan sendiri bertambah cerah di Persekutuan Tanah Melayu. Dalam pilihan raya tersebut, 52 kerusi dipertandingkan; dan Perikatan

memenangi 51 kerusi; satu kerusi dimenangi calon Parti Islam Se-Malaya (PAS). Kejayaan cemerlang ini melayakkan Perikatan membentuk kerajaan, dan Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Ketua Menteri Persekutuan yang pertama.

Usaha menuntut kemerdekaan masih diteruskan UMNO, dan kali ini melalui kerajaan Perikatan. Pada Januari 1956, Tunku Abdul Rahman sebagai ketua rombongan bersama Dato' Abdul Razak Hussain, Dr. Ismail Abdul Rahman, T.S. Tan, H.S. Lee, dan Abdul Kadir Shamsuddin sebagai Setiausaha, mewakili kerajaan Perikatan; dan empat wakil Raja Melayu, Dato' Panglima Bukit Gantang Abdul Wahab (Menteri Besar Perak), Dato' Nik Ahmed Kamil (Menteri Besar Kelantan), Dato' Seth Mohd Said (Menteri Besar Johor), dan Abdul Aziz Majid (Menteri Besar Selangor), dikenali sebagai Rombongan Kemerdekaan berangkat ke London. Tunku Abdul Rahman ke London, menaiki kapal *M.V. Asia* dari Singapura menuju Ceylon (Sri Lanka), sebelum meneruskan perjalanan ke Kerachi. Dari sini Tunku Abdul Rahman menaiki kapal terbang menuju London, dan tiba pada 13 Januari 1956. Rombongan ini berunding di London dengan wakil kerajaan British yang diketuai Setiausaha Tanah Jajahan Alan Lennox Boyd. Rundingan berlangsung dari 18 Januari hingga 8 Februari 1956, membuahkan hasil cemerlang, dan mencipta sejarah penting dalam perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu. Pada 8 Februari 1956, mencapai persetujuan, kerajaan British memeterai perjanjian, dikenali sebagai Perjanjian Kemerdekaan 1956, antara lain akan memerdekakan Persekutuan Tanah Melayu pada 1957.

Rombongan Kemerdekaan pulang membawa kejayaan, mendarat di Lapangan Terbang Batu Berendam, Melaka, terus ke Banda Hilir, disambut ribuan patriot, nasionalis dan penyokong kemerdekaan. Pada hari bersejarah ini, 20 Februari 1956, berdiri di khalayak, Tunku Abdul Rahman dengan megah dan bergaya di bumi pertama kali dijajah, sebagai simbolik memaklumkan kejayaan Rombongan Kemerdekaan, mengisytiharkan tarikh kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, dan seterusnya melaungkan dengan bersemangat, serta disambut khalayak seruan Merdeka.

Dalam perkembangan selanjutnya ke arah kemerdekaan, kerajaan Perikatan dan kerajaan British bersetuju membentuk sebuah Suruhajaya bagi menggubal draf Perlembagaan. Dengan itu sebuah Suruhanjaya dibentuk, diketuai Lord Reid, dan Suruhanjaya ini diperkenan Raja Melayu melalui Majlis Raja. Sempena ketua Suruhanjaya, Suruhanjaya ini dikenali sebagai Suruhanjaya Reid. Draf Perlembagaan ini dibincang Raja Melayu, UMNO, parti politik, pertubuhan dan individu berminat. Oleh kerana terdapat beberapa perkara yang perlu diselesaikan dengan kerajaan British, antaranya soal kewarganegaraan, Tunku Abdul Rahman bersama V.T. Sambanthan berangkat ke London pada 9 Mei 1957. Draf Perlembagaan yang dipinda dibincang dan diperkenan oleh Raja Melayu dalam mesyuarat Majlis Raja. Seterusnya Perlembagaan ini dibentang dan dibahaskan dalam Majlis Perundangan Persekutuan yang berlangsung pada 10 dan 11 Julai 1957.

Seterusnya pada 5 Ogos 1957, berlaku peristiwa penting ke arah kemerdekaan. Pada tarikh ini termeterai perjanjian yang dikenali sebagai Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, di antara sembilan Raja Melayu, dan Undang Negeri Sembilan dengan Baginda Queen Elizabeth II yang diwakili oleh Pesuruhjaya Tinggi Sir Donald MacGillivray di King's House, Kuala Lumpur. Perjanjian yang juga dikenali sebagai Perjanjian Kemerdekaan merangkumi pelbagai aspek; antaranya mengenai Raja Melayu, Kedudukan Hak Melayu, Agama Islam, Bahasa Melayu, dan kewarganegaraan. Kemudiannya Perlembagaan Persekutuan diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Perundangan Persekutuan pada 27 Ogos 1957. Seterusnya pada 31 Ogos 1957, di Stadium Merdeka Persekutuan Tanah Melayu dimasyhurkan sebagai sebuah negara merdeka dan berdaulat. Kemudiannya pada 31 Ogos 1958, Persekutuan Tanah Melayu menyambut Ulang Tahun Kemerdekaan pertama.

Kira-kira empat tahun kemudian selepas Persekutuan Tanah Melayu merdeka, pada 1961, Tunku Abdul Rahman memaklumkan gagasan Malaysia. Gagasan Malaysia dikemukakan oleh Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman. Beliau mengutarakan gagasan percantuman Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah, Brunei, dan Singapura dalam Persekutuan Malaysia di Singapore

Press Club pada 27 Mei 1961, ketika jamuan makan tengah hari yang dianjurkan oleh Persatuan Penulis-penulis Luar Negeri Asia Tenggara.⁵

Cadangan Tunku Abdul Rahman ini membangkitkan pelbagai reaksi, Lee Kuan Yew agak selesa dengan cadangan tersebut. Namun begitu Datu Bandar Abang Mustapha menyatakan kesukaran untuk menyatukan tiga buah negeri Borneo (Sarawak, Sabah dan Brunei). Namun begitu setelah mendapat penjelasan daripada Ghazali Shafie, yang dihantar Tunku Abdul Rahman ke Kuching, Datu Bandar Abang Mustapha mendapati banyak kebaikan akan dicapai oleh penduduk Sarawak, khususnya Melayu Sarawak. Seterusnya Datu Bandar Abang Mustapha menyatakan pembentukan Malaysia ini sebagai berita baik kepada mereka yang hadir dalam upacara perasmian cawangan PANAS di Kampung Seberang Hilir.

Pada 16 Januari 1962, sebuah suruhanjaya penyiasat pembentukan Malaysia ditubuhkan. Suruhanjaya ini dianggotai oleh Lord Cobbold (bekas gabenor Bank England), sebagai pengerusi; ahlinya, Sir Anthony Abell (bekas gabenor Sarawak), Sir David Watherston (bekas Ketua Setiausaha British Tanah Melayu), Datuk Wong Pow Nee (Malayan Chinese Association – Ketua Menteri Pulau Pinang), dan Muhammad Ghazali bin Shafie (Setiausaha Tetap Kementerian Halehwal Luar Persekutuan Tanah Melayu).⁶ Suruhanjaya dipertanggungjawabkan menentukan pandangan penduduk Sarawak dan Borneo Utara, dan penilaian terhadap pandangan tersebut untuk diperakukan.⁷ Suruhanjaya ini dikenali sebagai Suruhanjaya Cobbold, sempena nama pengerusinya, dan diberi tanggungjawab untuk meninjau pandangan dan pendapat penduduk Sarawak dan Sabah terhadap Persekutuan Malaysia, dan kemudiannya melaporkan hasil daripada siasatan tersebut. Anggota suruhanjaya ini tiba di Kuching pada 19 Februari 1962. Suruhanjaya ini berjumpa sebanyak 50 di 35 tempat: 20 di Sarawak dan 15 di Sabah. Berjumpa kira-kira 4,000 orang, menerima memorandum kira-kira 2,200; dari Sarawak 1600, dan dari Sabah 600.⁸

Suruhanjaya Cobbold mendapat maklumat daripada berbagai suku kaum di Sarawak dan Sabah. Di Sarawak Suruhanjaya ini mendapat pandangan dan pendapat daripada orang Dayak Laut, Melayu, Melanau, Dayak Darat, Kadayan, Kenyah dan Kayan, Murut, Kelabit, Bisayah dan Orang Cina. Dalam pada itu pandangan juga didapati daripada Parti SUPP, PANAS, SNAP dan BERJASA. Suruhanjaya Cobbold berpendapat sebahagian besar Dayak Laut menyokong penubuhan Malaysia.

Hasil daripada tinjauan Suruhanjaya, Dayak Darat, Kenyak dan Kayan lebih berminat tinggal di bawah pentadbiran British; orang Melanau dan Kedayan yang kebanyakannya beragama Islam menyokong pembentukan Malaysia, dan berpendapat lebih kurang sama dengan pandangan orang Melayu; manakala orang Cina, kebanyakannya menentang penubuhan Malaysia. Sementara itu Parti Politik, PANAS, SNAP menyokong penubuhan Malaysia; SUPP, menentang Malaysia dan menuntut kemerdekaan Sarawak. Seterusnya parti BERJASA menyokong Malaysia.⁹

Laporan Suruhanjaya Cobbold diterbitkan pada 1 Ogos 1962. Dalam kesimpulannya Suruhanjaya menyatakan satu pertiga menyokong Persekutuan Malaysia; satu pertiga menentang, dan satu pertiga lagi menerima dengan syarat terjamin masa depan mereka.¹⁰ Sebagai tindakan susulan daripada Laporan Suruhanjaya Cobbold, kerajaan Great Britain, Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura bersetuju menubuhkan Persekutuan Malaysia pada 31 Ogos 1963. Seterusnya Jawatankuasa Antara Kerajaan (*Inter-Governmental Committee*) dibentuk dan ditugaskan merancang perlembagaan masa depan dan membentuk jaminan masa depan.¹¹

Jawatankuasa ini terdiri daripada perwakilan Sarawak, Tanah Melayu dan Sabah dan dipengerusikan oleh Menteri Tanah Jajahan Lord Snowdowne. Lord Snowdowne melawat Sarawak dan Sabah. Di Sarawak, Lord Snowdowne akan mendapat pandangan gabenor masing-masing. Jawatankuasa ini berangkat ke Sarawak pada Ogos 1962. Dalam pada itu Sarawak melantik beberapa pegawai kanan kerajaan dan empat orang anggota tidak rasmi Majlis Negeri: Datu Bandar Abang Haji Mustapha,

Pengarah Montegrai, Ling Beng Siew, Chia Chin Sin dan Temenggung Jugah anak Barieng, mewakili Sarawak dalam Jawatankuasa Antara Kerajaan. Jawatankuasa ini bermesyuarat beberapa kali, antaranya di Jesselton pada 30 Ogos 1962,¹² dan akhirnya di Kuala Lumpur pada 20 Disember 1962.

Seterusnya pada 16 September 1963, Persekutuan Malaysia yang terdiri daripada Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Sabah ditubuhkan dengan rasminya. Datu Abang Haji Openg menjadi Gabenor Sarawak pertama untuk tempoh dua tahun mulai pembentukan Persekutuan Malaysia (16 September 1963).¹³ Di hari pengisytiharan penubuhan Malaysia, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung menyatakan kesyukuran dalam titah penubuhan Malaysia tersebut. Seterusnya Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu Tunku Abdul Rahman mengisytiharkan penubuhan Malaysia ke seluruh dunia pada pukul 6.10 petang, Selasa 16 September 1963.¹⁴ Dalam surat pengisytiharan Malaysia tersebut mencatatkan mulai 16 September 1963 jerjaan baginda raja tidak lagi mempunyai kedaulatan dan kuasa ke atas kedua-dua negeri, Sarawak dan Sabah.

Kesimpulan

Setelah lipatan sejarah Malaysia dibuka, dan memori sejarah dikumpul, fakta menjelaskan dan membuktikan dalam Sejarah Malaysia, Melayu dan pribumi menentang penjajah, dan menuntut kemerdekaan. Melayu negeri Melayu menentang Portugis, Belanda, Siam, dan British. Begitu juga pribumi dan Melayu di Sarawak menentang pentadbiran Raja Brooke; dan pribumi Sabah menentang Pentadbiran Kompeni. Melayu menuntut Kemerdekaan, dan mulai Kerajaan Perikatan pada 1955, MCA dan MIC terlibat dalam tuntutan kemerdekaan. Sementara itu Sarawak dan Sabah pula bergiat cergas dalam gerakan membebaskan negeri daripada jajahan mahkota British melalui Gagasan Malaysia, dan merdeka dengan rasminya pada 16 September 1963. Dengan itu 31 Ogos dan 16 September adalah Hari Kemerdekaan dalam Sejarah Malaysia.

Nota Hujung

¹ Mengenai perang menentang penjajah ini, sila rujuk Abdullah Zakaria Ghazali, "Persekutuan Tanah Melayu Merdeka 31 Ogos 1957: Liku dan Jejak Perjuangan Patriot dan Nasionalis Menentang British", *Malaysia dari segi Sejarah*, bil. 40-2012, hlm. 1-27. Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Pribumi dan Penjajah: Gerakan Tentangan di Malaysia", *Malaysia dari segi Sejarah*, Bil. 23-1995, hlm. 1-43.

² WO (War Office) 32/15036, "Policy in Malaya", F.C. Bovenschen kepada George Gater, 17 November 1943, terlampir "The Administration of Malaya Immediately After Re-occupation. Memorandum by the Secretary of State for War". WO 32/15036, "Policy in Malaya", Directive of Policy in Malaya. Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Kerajaan Baginda Raja dan Raja Melayu: Perancangan dan Pelaksanaan Polisi, 1943 Hingga 1946", *Purba*, Bilangan 35-2016, hlm. 193-209.

³ Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Kerajaan Baginda Raja dan Raja Melayu: Perancangan dan Pelaksanaan Polisi, 1943 Hingga 1946", hlm. 196-209.

⁴ Mengenai *Malaysia dari segi Sejarah*, Bil. 44-2016, hlm. 1-49. reaksi terhadap Malayan Union dan Jajahan Mahkota British, sila lihat Abdullah Zakaria Ghazali, "Malayan Union dan Jajahan Mahkota 1946: Menjejaki Tindak Balas Melayu Di Malaysia 70 Tahun Dahulu".

⁵ Vinson H. Sutlive Jr., *Tun Jugah of Sarawak: Colonialism and Iban Response*, Kuching: Sarawak Literary Society, 1992, hlm. 171. Mohd. Noor bin Abdullah, *Kemasukan Sabah dan Sarawak Ke dalam Persekutuan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlm. 35.

⁶ James Chin and Jayl Langub, "The Sarawak Administrative Service: Its Origins", hlm. 15. Michael B. Leigh, *The Rising Moon: Political Change in Sarawak*, hlm. 40.

⁷ Vinson H. Sutlive Jr., *Tun Jugah of Sarawak: Colonialism and Iban Response*, hlm. 179.

⁸ Mohd. Noor bin Abdullah, *Kemasukan Sabah dan Sarawak Ke dalam Persekutuan Malaysia*, hlm. 50-51.

⁹ Mohd. Noor bin Abdullah, *Kemasukan Sabah dan Sarawak Ke dalam Persekutuan Malaysia*, hlm. 55-56.

¹⁰ Vinson H. Sutlive Jr., *Tun Jugah of Sarawak: Colonialism and Iban Response*, hlm. 182. Michael B. Leigh, *The Rising Moon: Political Change in Sarawak*, hlm. 40.

¹¹ Vinson H. Sutlive Jr., *Tun Jugah of Sarawak: Colonialism and Iban Response*, hlm. 183.

¹² Bob Reece, *Datu Bandar: Abang Hj. Mustapha of Sarawak: Some reflections of his life and times*, Kuching: Sarawak Literary Society (Persatuan Kesusasteraan Sarawak), hlm. 158.

¹³ *Utusan Sarawak*, 14 September 1963.

¹⁴ *Utusan Sarawak*, Khamis 19 September 1963.